



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSONALITI SEBAGAI FAKTOR PENYEDERHANA YANG
MEMPENGARUHI HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DENGAN
KESEDIAAN MELAKUKAN TULAR DI MEDIA SOSIAL**

SITI RAMIZAH KHAIRUNNISA BINTI MOHD RADZI

FBMK 2022 33



**PERSONALITI SEBAGAI FAKTOR PENYEDERHANA YANG
MEMPENGARUHI HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DENGAN KESEDIAAN
MELAKUKAN TULAR DI MEDIA SOSIAL**

Oleh

SITI RAMIZAH KHAIRUNNISA BINTI MOHD RADZI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2022

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Teristimewa buat mama dan papa
suami
anak tersayang

Terima kasih atas dorongan dan kesabaran kalian
sepanjang pengajianku menyelesaikan
tesis ini

Terima kasih atas segalanya.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERSONALITI SEBAGAI FAKTOR PENYEDERHANA YANG
MEMPENGARUHI HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DENGAN KESEDIAAN
MELAKUKAN TULAR DI MEDIA SOSIAL**

Oleh

SITI RAMIZAH KHAIRUNNISA BINTI MOHD RADZI

Jun 2022

Pengerusi: Jusang bin Bolong, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Tindakan perkongsian maklumat secara lisan (*word-of-mouth*, WOM) bermula dari persekitaran bersemuka sebelum beralih pada penggunaan teknologi (e-WOM). Perkembangan teknologi telah memudahkan proses e-WOM kerana individu tidak perlu mengadakan pertemuan bersemuka sebaliknya menggunakan aplikasi media sosial untuk berkongsi maklumat dengan pengguna yang lain. Tindakan e-WOM berkait rapat dengan konsep tular iaitu berkongsi maklumat atau memberi komen dan kongsi semula maklumat ke dalam media sosial. Maklumat yang tular dilakukan dengan konsep satu-kepada-satu atau satu-kepada-banyak menerusi kaedah kongsi, kongsi semula, sembang atau suka (*like*). Namun begitu, tular dalam media sosial menjadi negatif apabila individu gagal mengawal emosi, impresi dan memanipulasi teknologi untuk kepentingan peribadi. Sebilangan individu tidak sedar akan kesediaan tindakan mereka yang memuatnaik komen peribadi atau mengubah kandungan maklumat akan mendorong pada penularan maklumat dalam media sosial. Tambahan lagi, personaliti Ekstrovert dan Introvert dikaitkan dengan tingkah laku tular media sosial kerana mereka menonjolkan karakter yang berbeza semasa berinteraksi dan bersosial dengan pengguna yang lain. Justeru itu, kajian ini memberi fokus pada peranan personaliti individu sebagai pengaruh terhadap motivasi yang mempengaruhi kesediaan untuk melakukan tular dalam media sosial dengan mengaplikasikan Model *Information-Motivation-Behavioral Skills* (1992) dan Roda Personaliti Eysenck (1975). Kajian dengan rekabentuk kuantitatif ini dilaksanakan menerusi tinjauan secara atas talian. Seramai 408 orang pengguna media sosial yang berusia 20 tahun ke atas dipilih sebagai responden menerusi kaedah pensampelan mudah dan bertujuan. Borang soal selidik telah diedarkan ke dalam dua media sosial popular, Whatsapp dan Facebook. Seterusnya, data dianalisis dengan pendekatan deskriptif dan inferensi yang melibatkan pengujian hipotesis antara setiap pemboleh ubah dengan menggunakan Model

Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modelling*). Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi personal atau keinginan untuk memenuhi kepuasan sendiri adalah berkait dengan kesediaan individu untuk berkongsi maklumat dalam media sosial. Motivasi sosial ataupun keinginan untuk memenuhi kepuasan pengguna lain pula berkait dengan kesediaan untuk memberi komen dan kongsi semula maklumat dalam media sosial. Seterusnya, analisis pembolehubah penyederhana membuktikan bahawa kedua-dua personaliti tidak memainkan peranan yang ketara dalam mempengaruhi motivasi untuk melakukan tular. Namun begitu, analisis lanjutan menggunakan *Dawson Interaction Plot* menggambarkan bahawa individu Ekstrovert adalah lebih bermotivasi untuk melakukan tular dalam media sosial berbanding individu Introvert. Kesimpulannya, aspek personaliti bukanlah penentu yang akan dititikberatkan semasa bertingkah laku dalam media sosial sebaliknya, kepuasan yang diinginkan daripada tindakan yang dilakukan dalam media sosial adalah faktor utama yang mendorong kesediaan individu untuk melakukan suatu tindakan, contohnya, tular maklumat dalam media sosial. Oleh itu, individu perlulah menjadi penular maklumat yang bertanggungjawab kerana penerimaan pengguna terhadap jenis maklumat yang ditularkan akan mempengaruhi kognitif, emosi, kebolehpercayaan dan juga kesihatan mental.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PERSONALITY AS A MODERATING FACTOR THAT INFLUENCES THE
RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION AND WILLINGNESS TO DO
VIRAL ON SOCIAL MEDIA**

By

SITI RAMIZAH KHAIRUNNISA BINTI MOHD RADZI

June 2022

Chair: Jusang bin Bolong, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

The act of sharing information verbally (word-of-mouth, WOM) starts from face-to-face environment before being taken over by technology (e-WOM). The advancement of technology has simplified the e-WOM process as individuals are no longer require face-to-face meetings, instead, they use social media applications to share information with other users. The e-WOM behavior is related with viral concepts such as sharing or commenting and re-sharing information in social media. Generally, viral information occurs due to one-to-one or one-to-many concepts through several ways like sharing, re-sharing, chatting, or liking. However, viral in social media becomes negative when individuals fail to control emotions, impressions and manipulate technology for personal benefit. Some individuals are unaware of their motivations as uploading or composing personal comments and contents will lead the information to be viral on social media. Furthermore, Extrovert and Introvert personalities are associated with viral behaviors in social media because they show different characters while interacting and socializing with other users. Therefore, this study focuses on individuals' motivation and intentions to viral on social media, especially the influence of personality by applying the Information-Motivation-Behavioral Skills Model (1992) and the Eysenck Personality Wheel (1975). This study was designed quantitatively through an online survey. A total of 408 social media users aged 20 years old and above were selected as respondents based on simple and purposive sampling methods. Questionnaires were distributed into two social media applications i.e., WhatsApp and Facebook. Next, data were analyzed using descriptive and inferential approaches involving hypothesis testing between each variable using Structural Equation Modelling. Results from the study showed that personal motivation or desire to fulfil self-satisfaction is related to the act of willingness to share information on social media. Social motivation or the desire to fulfil other-users satisfaction is related to the willingness to comment

and re-share information on social media. Next, analysis on moderating variables proves that both personalities play an insignificant role in influencing motivation to perform viral actions on social media. However, advanced analysis using Dawson Interaction Plot illustrates that the Extroverts are more motivated to perform viral actions on social media compared to the Introverts. In conclusion, the personality aspect is not a criterion that needs to be emphasized when behaving in social media, instead, the desire or satisfaction gained from actions performed in social media is the main factor that drives an individual's willingness to act, for example, to viral information in social media. Therefore, individuals need to be responsible when viral an information because users' acceptances on the type of information have the potential to affect individuals' cognitive, emotions, trustworthiness and even mental health.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam, selawat dan salam ke atas Nabi, Rasul, kaum keluarga dan para sahabatnya.

Alhamdulillah, Alhamdulillah, Alhamdulillah.

Dengan limpah rahmat dan berkat dariNya, tesis ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan pada jawatankuasa penyeliaan, Prof. Dr. Jusang Bolong, Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Osman dan Prof. Madya Dr. Norazura Adzharuddin; atas nasihat dan sokongan, kelembutan dalam kata-kata, perkongsian ilmu dan idea-idea baru yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Yang istimewa dalam mewarnai pengajian ini, mama Roziah Ab Latif, dan papa Mohd Radzi Mohd Ramly, kalian adalah cinta hati yang sentiasa memberikan yang terbaik dan menjadi teman gelak tawa di saat jatuh bangun anakmu ini. Pada abang Mohd Ramzi Ghaffari dan adik Muhd Rashid Ghaffari; kalian adalah darah daging sangat lucu, tawa dan gaduh adalah hiburan kita. Akhir sekali, suamiku Hazrin dan anak kecilku Hifzul, mami bersyukur Allah hadirkan kalian tepat pada masanya.

Begitu juga pada teman rapat sepengajian; Miharaini Md Ghani dan rakan-rakan Petronas Batu 5 Jalan Gombak, terima kasih atas suka dan duka, semangat dan nasihat. InsyaAllah kalianlah sahabat dunia dan akhirat. Terima kasih atas segalanya.

Terima kasih atas perasaan yang sentiasa 'hidup' sepanjang pengajian PhD ini. Terlalu banyak suka, jarang sekali duka, jika ada, itulah cabaran yang berjaya ditempuh. Alhamdulillah.

Hanya Allah S.WT jualah tempat saya memohon rahmat dan berkat atas tiap satu kebaikan yang telah kalian semua berikan.

Salam sayang,

Siti Ramizah Khairunnisa Mohd Radzi.

Eja.

Mizah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Jusang bin Bolong, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Nizam bin Osman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Azura binti Adzharuddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Oktober 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Siti Ramizah Khairunnisa bt Mohd Radzi, GS48182

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.1.1 <i>Word-of-mouth</i> dalam persekitaran bersemuka	3
1.1.2 <i>Word-of-mouth</i> dalam media sosial	4
1.2 Pernyataan masalah	7
1.3 Persoalan kajian	8
1.4 Objektif kajian	9
1.4.1 Umum	
1.4.2 Khusus	
1.5 Kepentingan kajian	9
1.6 Skop kajian	11
1.7 Definisi kata kunci	12
1.7.1 Motivasi	12
1.7.2 Media sosial	12
1.7.3 Tindakan tular	12
1.7.4 Personaliti	13
1.8 Kesimpulan	13
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Latar belakang	14
2.1.1 Tujuan penggunaan media	16
2.1.2 Pola penggunaan media	20
2.1.3 Jenis maklumat	21
2.1.4 Perkongsian maklumat	22
2.1.5 Tular	26
2.1.6 Tingkah laku	31
2.2 Hasil kajian lepas	34
2.2.1 Motivasi perkongsian maklumat	34
2.2.2 Perkongsian maklumat	40
2.2.3 Tingkah laku tular dalam media sosial	41
2.2.4 Personaliti dalam persekitaran bersemuka	43
2.2.5 Personaliti dalam media sosial	44
2.2.6 Personaliti sebagai faktor penyederhana	47
2.3 Perbincangan teori dan model	49

	2.3.1	<i>Information-Motivation-Behavioral Skills Model</i>	49
	2.3.2	Roda Personaliti Eysenck	52
2.4		Kerangka teoritikal	54
2.5		Kerangka konseptual	55
2.6		Kerangka konsep kajian	56
2.7		Hipotesis	56
2.8		Kesimpulan	58
3		METODOLOGI	
3.1		Pendekatan falsafah	59
3.2		Rekabentuk kajian	61
3.3		Lokasi dan subjek kajian	61
3.4		Populasi dan sampel kajian	62
3.5		Instrumen kajian	65
3.6		Pengukuran pemboleh ubah	70
3.7		Pengujian borang soal selidik	72
	3.7.1	Prauji kajian	73
	3.7.2	Kajian rintis	76
3.8		Kesahan dan kebolehpercayaan kajian	77
3.9		Prosedur pengumpulan data	78
3.10		Prosedur analisis data	81
3.11		Analisis data awal (<i>Pre-analysis</i>)	83
	3.11.1	Ujian kenormalan data	83
	3.11.2	Model pengukuran SEM-PLS	85
	3.11.3	Proses penilaian Model Pengukuran	86
	3.11.4	Tahap penilaian Model Pengukuran <i>Reflective</i>	87
	3.11.5	Model Pengukuran motivasi melakukan tular	91
	3.11.6	Proses penilaian Model Penstrukturan	96
3.12		Kesimpulan	98
4		HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1		Demografi	100
4.2		Pola penggunaan media sosial	102
4.3		Jenis tindakan tular	106
4.4		Personaliti pengguna media sosial	107
4.5		Jenis Maklumat	109
4.6		Motivasi perkongsian maklumat	111
	4.6.1	Taburan deskriptif motivasi personal	111
	4.6.2	Taburan deskriptif motivasi sosial	113
4.7		Kesediaan penularan maklumat	115
4.8		Analisis pengukuran berstruktur	118
	4.8.1	Ujian <i>coefficient of determination</i> (R^2)	118
	4.8.2	Ujian <i>effect size</i> (f^2)	119
	4.8.3	Ujian Q^2	121
4.9		Ujian Hipotesis	122
	4.9.1	Hipotesis hubungan langsung	122
	4.9.2	Hipotesis hubungan tidak langsung	125

4.9.3	<i>Interaction Plot</i>	127
4.10	Perbincangan hasil kajian dan perkaitan dengan teori	132
4.11	Kesimpulan	138
5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan	139
5.2	Kesimpulan hasil kajian	141
5.3	Implikasi kajian	147
5.4	Cadangan hasil kajian	149
5.5	Limitasi kajian	150
5.6	Cadangan kajian akan datang	151
RUJUKAN		154
LAMPIRAN		173
BIODATA PELAJAR		187
SENARAI PENERBITAN		188

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Aktiviti pengguna atas talian	2
2.1	Perbezaan antara media sosial dan laman sosial	15
2.2	Keperluan dan Kepuasan daripada Penggunaan Media	17
2.3	Rumusan sepuluh tema penggunaan media sosial oleh Whiting dan Williams (2013) berpandukan Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak	19
2.4	Teknik perkongsian maklumat dalam media sosial popular di Internet	23
2.5	Definisi perkongsian tular dalam media sosial	30
2.6	Pendekatan-pendekatan utama dalam kajian psikologi	31
2.7	Rumusan kajian motivasi penggunaan dan perkongsian maklumat dalam media sosial	38
2.8	Rumusan pengkelasan motivasi penggunaan dan perkongsian maklumat dalam media sosial	39
2.9	Dimensi dalam Roda Personaliti Eysenck	53
3.1	Kelompok usia pengguna media sosial di Malaysia	62
3.2	Kaedah pengiraan sampel kajian SEM	64
3.3	Penentuan bilangan sampel akhir sebagai responden kajian	65
3.4	Item personaliti Introvert atau Ekstrovert	66
3.5	Item jenis maklumat (topik)	67
3.6	Item motivasi personal	67
3.7	Item motivasi sosial	68
3.8	Item kesediaan melakukan tular	69
3.9	Item tindakan tular	69
3.10	Instrumen kajian	70

3.11	Tahap pengukuran personaliti	71
3.12	Tahap pengukuran motivasi dan kesediaan melakukan tular	72
3.13	Pengukuran pemboleh ubah	72
3.14	Tahap Tanggapan dan Ekspresi dalam <i>The ImpExp Model</i>	74
3.15	Kriteria subjek prauji kajian	75
3.16	Analisis prauji kajian	76
3.17	Analisis nilai <i>cronbach alpha</i> untuk setiap pemboleh ubah	78
3.18	Arahan pengumpulan data dalam aplikasi media sosial	79
3.19	Jadual pengumpulan data kajian sebenar	80
3.20	Jadual pengumpulan data lengkap	81
3.21	Hipotesis dan analisis statistik	82
3.22	Ujian kenormalan berpandukan ujian KS-SW	83
3.23	<i>Cross Loadings</i> antara Item dan Pemboleh ubah	86
3.24	Pengukuran <i>Fornell & Larcker Criterion</i>	89
3.25	Analisis HTMT	90
3.26	Analisis HTMT _{inferences} dengan teknik <i>bootstrap</i>	90
3.27	Pengukuran Item <i>Reflective</i> sebelum dan selepas pengubahsuaian	92
3.28	Ujian <i>collinearity</i> (VIF >10.0)	97
3.29	Analisis <i>significance and relevances</i> dengan teknik <i>bootstrap</i>	97
4.1	Profil responden (n=408)	101
4.2	Tempoh masa dan aplikasi media sosial (n=408)	102
4.3	Peranti dan lokasi penggunaan media sosial (n=408)	103
4.4	Tujuan penggunaan media sosial (n=408)	104

4.5	Tindakan dan saluran melakukan tular	105
4.6	Jenis tindakan tular (n=408)	107
4.7	Karakter pengguna media sosial (n=408)	108
4.8	Jenis personaliti dalam media sosial	109
4.9	Topik pilihan untuk tular dalam media sosial	111
4.10	Taburan responden motivasi personal (n=408)	113
4.11	Taburan responden motivasi sosial (n=408)	115
4.12	Kesediaan berkongsi maklumat (n=408)	117
4.13	Kesediaan berkongsi dan komen semula (n=408)	118
4.14	Effect size (f^2)	120
4.15	Perubahan nilai R^2	120
4.16	Analisis model penstrukturan (nilai R^2 , f^2 dan Q^2)	122
4.17	Dapatan hipotesis langsung personaliti, motivasi dengan kesediaan tular dalam media sosial	123
4.18	Dapatan hipotesis hubungan tidak langsung antara personaliti, motivasi dengan kesediaan tular dalam media sosial	126
4.19	Rumusan hipotesis langsung dan tidak langsung	137

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Peratusan pengguna saluran media di Malaysia	3
2.1	Peratusan capaian aplikasi media sosial dari 1/1/21 – 30/6/2021 (Google Trends, 2021)	14
2.2	Teori Hierarki Maslow edisi kemaskini (1970)	16
2.3	Contoh <i>plugins</i> dalam media sosial (Sumber: Google Images)	24
2.4	Sepuluh domain dalam media sosial dengan penglibatan pengguna tertinggi (buzzsumo.com, 2021)	25
2.5	Hari terbaik untuk memuatnaik maklumat dalam media sosial (buzzsumo.com, 2021)	26
2.6	Saiz maklumat yang mendapat capaian pengguna yang tinggi (buzzsumo.com, 2021)	26
2.7	Perkongsian sosial (Sumber: Google Images)	27
2.8	Multi-measure to model Viral Phenomenon (Boppolige & Gurtoo, 2017)	28
2.9	Teori Perilaku yang Terancang edisi kemaskini (Ajzen, 2019)	32
2.10	<i>Theory of Reasoned Goal Pursuit</i> (Ajzen & Kruglanski, 2019)	33
2.11	<i>Posting, Commenting and Tagging</i> dalam Media Sosial	40
2.12	Elemen dalam <i>Model Information-Motivation-Behavioral Skills</i> (Fisher & Fisher, 1992)	49
2.13	Roda Personaliti Eysenck (<i>Eysenck Personality Wheel</i>)	53
2.14	Integrasi antara <i>Model Information-Motivation-Behavioral Skills</i> (Fisher & Fisher, 1992) dan Roda Personaliti Eysenck (Eysenck & Eysenck, 1975)	55
2.15	Kerangka konseptual motivasi, personaliti dengan kesediaan melakukan tular dalam media sosial	56

3.1	Adaptasi falsafah penyelidikan daripada <i>a Framework for Research - The Interconnection of Worldviews, Design and Research Methods</i>	59
3.2	Ujian kenormalan data Q-Q Plot	84
3.3	Model hubungan (<i>Path Diagram</i>) sebelum pengubahsuaian	86
3.4	Model hubungan (<i>Path Diagram</i>) selepas pengubahsuaian	96
3.5	Model Pengukuran Berstruktur	98
4.1	Model penstrukturan dengan nilai effect size f^2 dan R^2	121
4.2	Personaliti, motivasi personal dengan kesediaan perkongsian maklumat dalam media sosial	128
4.3	Personaliti, motivasi personal dengan kesediaan memberi komen dan kongsi semula maklumat dalam media sosial	129
4.4	Personaliti, motivasi sosial dengan kesediaan perkongsian maklumat dalam media sosial	130
4.5	Personaliti, motivasi sosial dengan kesediaan memberi komen dan kongsi semula maklumat dalam media sosial	130
4.6	Model pengukuran berstruktur dengan analisis	131
4.7	Model Penstrukturan Personaliti, Motivasi dengan Kesediaan Tular dalam Media Sosial	136
4.8	Model Kajian Personaliti, Motivasi dengan Kesediaan Tular dalam Media Sosial	136
5.1	Model cadangan pemboleh ubah perantara dengan pengubahsuaian berpandukan Model IMBS	152
5.2	Model cadangan pemboleh ubah penyederhana dengan pengubahsuaian berpandukan Model IMBS	153

SENARAI SINGKATAN

SKMM	Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia
WOM	<i>Word-of-mouth</i>
e-WOM	<i>Electronic word-of-mouth</i>
Model IMBS	<i>Model Information Motivation Behavioral Skills</i>
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
TPPK	Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak
THM	Teori Hierarki Maslow
TPT	Teori Perilaku Terancang
GST	<i>Goal System Theory</i>
TRGP	<i>Theory of Reasoned Goal Pursuit</i>
RPE	Roda Personaliti Eysenck
EPQ-BV	<i>Eysenck Personality Questionnaire – Brief Version</i>
DIP	<i>Dawson Interaction Plot</i>
PIA	<i>Product Indicator Approach</i>

BAB 1

PENGENALAN

Bab ini memberikan huraian mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian serta definisi kata kunci.

1.1 Latar belakang Kajian

Kepelbagaian teknologi dan aplikasi dengan tawaran liputan rangkaian daripada syarikat telekomunikasi telah menarik minat individu untuk menikmati kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi. Berpandukan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM, 2020), bilangan pengguna Internet di Malaysia semakin meningkat dari 87.4 peratus pada tahun 2016 kepada 88.0 peratus pada tahun 2020. Walaupun peratusan peningkatan pengguna hanyalah 1.3 peratus namun peratusan keseluruhan menunjukkan hampir 90 peratus penduduk di Malaysia mempunyai akses pada penggunaan Internet.

Telefon pintar menjadi peranti pilihan utama untuk akses pada Internet (93.1%) sekali gus mewujudkan masyarakat berorientasikan peranti. Tambahan lagi, Internet merupakan rangkaian jalur lebar yang luas dan boleh dicapai menerusi pautan yang dibangunkan oleh sesebuah organisasi atau individu untuk akses mudah ke seluruh dunia. Secara umumnya, pautan ini akan membentuk portal – pusat pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber ke laman yang spesifik. Portal ini berfungsi seperti sebuah perpustakaan atau pusat akses (*access point*) yang membolehkan individu mencari maklumat secara sendiri menerusi tapisan-tapisan yang bersifat kategorikal (Solinthone, Shipilov & Syryamkin, 2017).

Fungsi Internet tidak terhad kepada pembangunan portal untuk pengumpulan maklumat sebaliknya, terdapat pelbagai laman dengan pautan yang boleh diakses secara terbuka. Evolusi Internet telah mengubah fungsi portal dengan pengenalan pada laman baru yang interaktif seperti laman sosial dan media sosial. Kedua-duanya adalah pendekatan global baharu untuk perkongsian maklumat. Laman sosial adalah saluran yang bersifat kemanusiaan iaitu individu akan memuatnaik maklumat dan berinteraksi dengan pengguna lain secara terus dengan tujuan untuk mempergiat hubungan (Cohn, 2015).

Media sosial adalah terma yang sangat luas dan bersifat sehalu iaitu individu yang memuatnaik maklumat boleh memilih untuk berinteraksi secara langsung atau tidak langsung dengan pengguna yang lain (Cohn, 2015). Selain mencari maklumat, melayari laman sosial atau menonton televisyen atas talian, individu

telah mula melakukan pelbagai aktiviti elektronik (*e-electronics*) seperti mendengar radio, melakukan transaksi dan membaca bahan penerbitan elektronik (Rujuk Jadual 1.1). Individu turut menggunakan peranti untuk berbalas mesej dan panggilan semasa sedang memandu di atas jalan raya (Gauld, Lewis, Whire, Fleiter & Watson, 2017).

Selain daripada melakukan aktiviti yang berorientasikan teknologi, individu juga mempunyai akses kepada beberapa saluran media yang tersedia. Dalam sesebuah saluran media, individu melakukan aktiviti yang berbentuk personal dan berfokus seperti memuatnaik gambar, informasi dan status (Gentile, Twengeb, Freemanb & Campbell, 2012) serta aktiviti berbentuk interpersonal (Sprecher, 2014) seperti berbual secara bertulis (berbalas komen) atau visual (rakaman/ siaran langsung). Hal ini membolehkan media sosial menjadi sebuah tapak yang menawarkan pembentukan hubungan dan perkongsian maklumat dengan khalayak yang luas.

Jadual 1.1: Aktiviti pengguna atas talian


Aktiviti	Tahun (%)	
	2018	2020
Interaksi dengan teks	96.5	98.1
Melayari laman sosial	85.6	93.3
Menonton video / TV atas talian	77.6	87.3
Interaksi dengan video / suara	60.6	81.1
Mencari informasi	85.5	74.3
Membaca penerbitan online	56.3	68.2
Perbankan atas talian	54.2	63.8
Beli-belah / tempahan atas talian	53.3	64.2
Mendengar muzik / radio atas talian	46.8	65.4
Urusan kerja	61.9	45.0

[Sumber: Data diperoleh daripada Laporan *Internet Users Survey* (SKMM, 2020)]

Perkongsian maklumat ke dalam sesebuah saluran media adalah melalui pembacaan sendiri atau daripada perkongsian individu lain seperti dalam forum atau blog, muatnaik catatan (*post*), perkongsian artikel, video, dan juga gambar. Individu menggunakan pelbagai aplikasi untuk memuatnaik, menyalin dan tampil atau memberikan pendapat tentang sesebuah bahan yang mereka kongsi dalam laman sosial atau aplikasi komunikasi yang dilayari. Berdasarkan data daripada SKMM (2020), lebih ramai individu yang memilih untuk berkongsi maklumat dalam platform media sosial, mesej berkumpulan ataupun mesej peribadi.

Aplikasi media sosial terbahagi kepada dua iaitu laman sosial sosial dan juga aplikasi komunikasi (Rujuk Rajah 1.1). Setiap aplikasi menawarkan fungsi dan kemudahan interaksi dengan cara yang pelbagai. Sebarang maklumat yang diperoleh daripada mana-mana aplikasi media sosial berpotensi untuk

dikongsikan semula dalam tetapan umum atau khusus; daripada sebuah aplikasi ke aplikasi yang lain dengan menggunakan pautan 'Share to..' atau *plugins* yang disediakan oleh saluran media berkenaan. Perkongsian demi perkongsian inilah yang membentuk *word-of-mouth* secara atas talian (*e-WOM*). Walau bagaimanapun, perkongsian maklumat bermula dari persekitaran bersemuka dengan menggunakan suara (*word-of-mouth, WOM*) sebelum diambil alih dengan menggunakan teknologi.



Rajah 1.1: Peratusan pengguna saluran media di Malaysia [(SKMM, 2020)]

1.1.1 *Word-of-mouth* dalam persekitaran bersemuka

Istilah *WOM* dikenali sebagai khabar angin (*grapevine*) kerana kedua-dua istilah ini memberi makna yang sama iaitu perkongsian maklumat dalam bentuk rantaian daripada satu pihak ke pihak yang lain. Dalam erti kata lain, *WOM* adalah teknik perkongsian maklumat secara lisan dalam bentuk cerita atas cerita tentang suatu kejadian atau situasi yang berlaku. Cerita ini disampaikan daripada satu individu kepada individu yang lain dan cerita yang sama akan disebarikan semula pada individu yang lain (*storytelling*).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan individu berkongsi maklumat dengan orang lain. Pertama, apabila individu berasa kurang yakin atau tidak pasti dengan sesebuah maklumat, mereka akan bersembang dengan seseorang bagi mengesahkan maklumat tersebut (Myers, 2007). Kedua, individu berasa selesa untuk melakukan *WOM* kerana agihan maklumat adalah tidak seimbang (White, Vanc & Stanford, 2010). Lantaran itu, *WOM* menjadi sebuah saluran tidak formal pilihan individu kerana maklumat boleh disebarikan di mana-mana, pada bila-bila masa dan dengan sesiapa sahaja.

Teknik *WOM* adalah kaedah perkongsian maklumat tidak formal yang digunakan secara meluas dalam komunikasi interpersonal. Kajian-kajian *WOM* lebih kerap dibincangkan dari sudut organisasi (Hoye & Lievens, 2007; White, Vanc & Stanford, 2010), perniagaan (Ahmad, Vveinhardt & Ahmed, 2014) dan krisis komunikasi (David, 2011). Misalnya, *WOM* dalam organisasi adalah seperti perbualan santai sesama pekerja (Myers, 2007) ataupun perkongsian informasi antara pegawai dengan pekerja bawahan mahupun pekerja dengan pekerja (Hoye & Lievens, 2007 ; White, Vanc & Stanford, 2010).

Dalam konteks perniagaan, *WOM* digambarkan sebagai aktiviti pemujukan dalam urusan jual beli iaitu usaha penjual mempromosikan produk pada pembeli (Ahmad, Vveinhardt & Ahmed, 2014). Selain itu, aktiviti *WOM* juga berfungsi sebagai sumber rujukan (*refferal*) atau 'orang tengah' kerana perkongsian komen, pendapat atau pandangan sama ada positif atau negatif akan mempengaruhi persepsi, minat dan pembuatan keputusan tentang produk atau servis yang ditawarkan (Ahmad, Vveinhardt & Ahmed, 2014; Anggraeni & Rachmanita, 2015; Taheri, Chalmers, Wilson & Arshed, 2021).

Pengaruh *WOM* dalam persekitaran bersemuka semakin dititikberatkan terutama dalam sektor firma dan industri (Bastos & Moore, 2021). Hal ini kerana, perkongsian pengalaman daripada sumber lebih mempengaruhi keinginan pengguna untuk tertarik dengan iklan yang ditawarkan. Tidak hairanlah apabila sektor firma dan industri yang berkonsepkan perniagaan, pemasaran atau perhotelan amat mementingkan penggunaan sumber rujukan kerana pengaruh mereka dalam mempromosikan produk berupaya meningkatkan jualan dan mempengaruhi pengguna lain (Ahmad, Vveinhardt & Ahmed, 2014; Bastos & Moore, 2021).

1.1.2 *Word-of-mouth* dalam media sosial

Kajian *e-WOM* dalam media sosial masih tertumpu pada tema perniagaan, namun menjurus pada pemahaman tingkah laku, pemasaran digital dan juga kecerdasan buatan (Akbari, Foroudi, Zaman, Mahavarpour & Khodayari, 2022). Jaringan sosial yang luas (Kim, Kandampully & Bolgihan, 2018; Azer & Ranaweera, 2022) serta kuasa sumber terhadap penerima (Verma & Yadav, 2021) adalah antara faktor yang menjadikan *e-WOM* begitu kerap diaplikasikan dalam bidang perniagaan. Tambahan lagi, kecanggihan teknologi telah membuka ruang pada *e-WOM* bertukar menjadi *r-WOM* (*robotic word-of-mouth*) iaitu perkongsian maklumat dalam skala yang besar dengan bantuan robot (Akbari et al., 2022).

Menurut Berger (2014), penggunaan *e-WOM* dalam media sosial terbahagi kepada lima iaitu pengurusan impresi, emosi, pemerolehan maklumat, perhubungan dan juga pemujukan. Hal ini bermakna, pengaplikasian *e-WOM* tidak terbatas pada satu tema sahaja sebaliknya mana-mana individu berpotensi untuk menjadi sumber atau penerima sesebuah kandungan *e-*

WOM. Individu juga boleh menggunakan media sosial sebagai medium pengganti interaksi daripada persekitaran bersemuka lantas mengaplikasikan teknologi untuk melakukan e-WOM. Selari dengan pendapat Berger (2014) yang menyatakan bahawa:

Technological changes have also made it easier to study word of mouth itself. Tweets, online reviews, and blogs are only a few of the many "big data" sources of real sharing behavior. (p. 48)

Hal ini bermakna, proses WOM menjadi semakin mudah kerana individu tidak perlu mengadakan pertemuan bersemuka sebaliknya hanya menggunakan butang kongsi jika ingin berkongsi maklumat dengan pengguna yang lain. Konsep *Share*, *Repost* atau *Retweet* adalah adaptasi daripada kaedah WOM dalam persekitaran bersemuka ke dalam media sosial (e-WOM). Contohnya, individu berkongsi maklumat di Twitter dalam bentuk bebenang (*thread*), perkongsian di Facebook menerusi *new post* dalam profil peribadi atau kumpulan manakala Instagram berfokus pada perkongsian visual dengan petikan (*caption*).

Tindakan e-WOM lebih berpengaruh kerana penembusannya adalah lebih luas iaitu daripada individu kepada individu yang lain (*one-to-one*), kepada pengguna yang ramai (*one-to-many*), daripada satu saluran media ke saluran media yang lain dengan hanya satu butang kongsi. Di samping itu, e-WOM berupaya merangsang tindakan seperti menghantar semula (*resharing/forwarding*) dan bersembang (*chatting*) tentang maklumat yang diperoleh kerana ciri-ciri saluran media akan mempengaruhi pilihan, minat dan sikap individu untuk tindakan tersebut.

Individu bebas melakukan tindakan seperti menghantar semula, memberi komen, mempamerkan simbol suka (*likes*), tidak suka (*dislikes*) termasuklah menggunakan semula maklumat yang diperoleh dalam media sosial untuk disebarkan secara bersemuka. Kesannya, tindakan individu ini akan merangsang penularan maklumat pada audiens yang lebih luas (Alhabash, Baek, Cunningham & Hagerstrom, 2015). Pemilihan bahan yang menarik (*selection*) dan keinginan individu untuk berkongsi semula bahan tersebut pada pengguna lain (*retransmission*) turut mempengaruhi tindakan penularan maklumat dalam media sosial (Kim, 2015).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan individu melakukan e-WOM dalam media sosial. Pertama, individu akan berkongsi kandungan bahan yang berinformasi, berkepentingan pada masyarakat, meninggalkan kesan emosi dan menyeronokkan untuk ditonton (Izawa, 2010; Kim, 2015). Tambahan lagi, penggunaan tag nama (*alias*, @) dan tanda pagar (*hashtag*, #) pada sebuah maklumat akan menarik audiens yang luas lebih-lebih lagi jika *post* diletakkan dalam tetapan publik (Bazarova, Taft, Choi & Cosley, 2013) di samping menjadi strategi pemasaran produk yang berjaya di Instagram (Lyu, 2016).

Seterusnya, individu merasakan bahawa mereka lebih percaya dengan informasi yang ditawarkan termasuklah norma sosial yang dibentuk bersama pengguna media sosial. Perasaan kekitaan yang wujud dalam persekitaran media sosial menjadikan individu mudah untuk berkongsi misalnya meluahkan pendapat atau pengalaman (Mishra, Maheswarappa, Maity & Samu, 2018) sekaligus berasa seronok kerana tindakan tersebut dapat membentuk pengaruh komuniti (Oelderf-Hirsch & Sundar, (2015) dan menjadikan mereka lebih dikenali dalam kalangan pengguna media sosial yang lain (Oliveira, Araujo & Tam, 2020).

Perkongsian maklumat adalah satu usaha persembahan sendiri iaitu individu ingin membentuk identiti yang dikenali oleh publik (Morahan-Martin & Schumacher, 2000) dan mengekalkan imej secara atas talian (Walther, 1996; Brown, Broderick & Lee, 2007). Identiti adalah ciri-ciri atau kualiti yang individu miliki, yang akan membezakan diri mereka dengan individu yang lain (Turel & Gil-Or, 2019). Perbezaan identiti ditentukan dengan menggunakan model personaliti seperti Big Five (Goldberg, 1982) atau Roda Personaliti Eysenck (Eysenck & Eysenck, 1975).

Contohnya, kajian yang berkaitan dengan personaliti dan e-WOM dibahaskan dalam konteks interaksi dan persembahan ekspresi (Pagani, Goldsmith & Hofacker, 2013; Marshall, Lefringhausen & Ferenczi, 2015; Huang, Sundar, Ye & Johnson, 2021), politik (Choi & Shin, 2017), pendedahan sendiri (Caci, Cardaci & Miceli, 2019), pemasaran atas talian (Clark & Calli, 2014; Eastman, Iyer, Eastman, Gordon-Wilson & Modi, 2020), dan juga motivasi dengan tindakan (Hu & Kim, 2018; Balakrishnan & Goswami, 2020; Tapanainen, Dao & Nguyen, 2021). Tindakan setiap personaliti melakukan e-WOM secara aktif ataupun pasif akan meningkatkan potensi maklumat menjadi tular.

Hal ini bermakna, tular dalam media sosial berlaku disebabkan tindakan e-WOM yang individu sedia lakukan secara kerap dan berterusan (Dafonte-Gomez, 2014; Kawamoto & Hatano, 2014). Walau bagaimanapun, individu perlu bersedia untuk melakukan tindakan yang akan menyumbang pada tularnya sesebuah maklumat seperti menekan butang suka, kongsi atau memberi komen pada maklumat tersebut (Alhabash et al., 2015). Kesannya, kesediaan tindakan yang berterusan akan menjadikan sesebuah maklumat menjadi tular dalam media sosial.

Secara ringkasnya, e-WOM merupakan langkah awal pada berlakunya penularan maklumat dalam media sosial. Tindakan e-WOM dengan cara berkongsi atau memberi komen akan meningkatkan potensi maklumat untuk tular. Selain itu, individu tertarik untuk menularkan maklumat yang memenuhi kriteria dan minat selain daripada keinginan mereka untuk melakukan tindakan berkenaan. Namun begitu, kejayaan penularan maklumat akan dipengaruhi oleh faktor personaliti kerana identiti sosial adalah penting dalam persekitaran media sosial (Pagani, Goldsmith & Hofacker, 2013).

1.2 Penyataan Masalah

Individu berkongsi maklumat dalam media sosial dengan tujuan untuk mengekalkan interaksi dan merangsang penglibatan pengguna lain untuk bersebang mengenai maklumat tersebut (Oeldorf-Hirsch & Sundar, 2015). Tindakan ini menjadi negatif apabila individu gagal mengawal emosi (Parkinson, 2008), impresi (Powers, Rauh, Henning, Buck & West, 2011) dan memanipulasi teknologi untuk kepentingan peribadi (Lyu, 2016). Sebilangan individu turut mengubah kandungan maklumat sekaligus menjadikan tema maklumat yang sebenar dimanipulasi dan diputarbelitkan (Berger, 2014).

Tindakan individu yang melakukan “salin dan tampal” maklumat secara melulu akan menjejaskan reputasi maklumat sebagai bahan yang boleh dipercayai. Maklumat yang diperoleh dalam sesebuah media sosial berpotensi untuk dikongsi atau dikongsi semula ke dalam media sosial yang lain sekaligus meningkatkan potensi maklumat untuk tular. Walaupun terdapat pelbagai kempen yang telah dijalankan untuk mengekang wabak tular dalam media sosial seperti “Klik dengan Bijak”, “Semak sebelum Sebar” atau “Tidak Pasti Jangan Kongsi” namun, penembusan maklumat tular masih tidak dapat dikawal secara menyeluruh.

Di Malaysia sahaja, perkongsian maklumat tular dalam media sosial seperti yang direkodkan oleh portal sebenarnya.my adalah melibatkan pembetulan kenyataan perkongsian maklumat tular yang palsu. Hal ini berlaku disebabkan oleh tindakan individu yang berkongsi semula maklumat sebagai status, pendapat atau komen tanpa menyedari bahawa maklumat itu akan tular. Selari dengan laporan *Reuters Institute Digital News Report (2020)*, individu semakin tidak percaya dengan perkongsian berita daripada sebuah agensi media sehingga terpaksa bergantung pada agensi media yang lain untuk mendapatkan maklumat yang dipercayai (Newman et al., 2020).

Maklumat tular dalam media sosial tidak boleh diramal atau dirancang kerana topik menjadi popular disebabkan oleh *trend* yang dibentuk oleh pengguna dengan menggunakan *hashtag* (Zhang, Zhao & Xu, 2016). Bukan itu sahaja, tindakan individu yang berkongsi atau memberi komen tentang sesebuah maklumat tanpa mengira peringkat audiens juga meningkatkan risiko maklumat menjadi tular (Alhabash et al., 2015; Cappella, 2017). Secara ringkasnya, maklumat menjadi tular kerana individu bersedia untuk bertindak dengan berkongsi atau memberi komen pada maklumat yang mereka peroleh dalam media sosial.

Wujud perdebatan mengenai tindakan individu dalam media sosial iaitu persekitarannya membolehkan individu bereksperimen dengan identiti di sebalik skrin atau peranti. Tindakan individu dalam media sosial dikaitkan dengan identiti ataupun personaliti (Orchard, Fullwood, Galbraith & Morris, 2014; Turel & Gil-Or, 2019) namun, kajian lebih kerap dibincangkan dalam

konteks perbandingan seperti jenis aktiviti (Marshall, Lefringhausen & Ferenczi, 2015), saluran (Huang et al., 2021) serta keperluan penggunaan saluran (Kim, Song & Lee, 2018; Balakrishnan & Goswami, 2020).

Perkembangan pengetahuan dalam kajian tindakan turut mencadangkan pemboleh ubah personaliti sebagai penyederhana (Barnes, Mahar, Wong & Rune, 2017; Khan, Kaewsang & Saeed, 2019; Son & Ok, 2019) selain daripada jantina (Turel & Gil-Or, 2019; Huang et al., 2021) dan perbezaan generasi (Eastman et al., 2020). Dimensi *Extraversion* terdiri daripada individu dengan tahap Ekstraversi tinggi (Ekstrovert) dan Ekstraversi rendah (Introvert). Individu Ekstrovert dan Introvert mempunyai karakter yang berlawanan antara satu sama lain dalam persekitaran bersemuka namun kedua-duanya memanfaatkan media sosial untuk tujuan yang sama iaitu untuk perkembangan hubungan (Gadekar & Ang, 2020).

Persoalannya, apakah yang mempengaruhi motivasi atau keinginan individu dengan personaliti yang berbeza untuk melakukan tular dalam media sosial? Model *Information-Motivation and Behavioral Skills* (Model IMBS; Fisher & Fisher, 1992) menjelaskan bahawa terdapat dua motivasi yang akan mempengaruhi tindakan iaitu motivasi personal dan sosial. Namun begitu, faktor kemahiran sebagai pemboleh ubah ketiga boleh berubah mengikut kesesuaian konteks kajian Bahrami dan Zarani (2015) yang mengukur hubungan antara informasi, motivasi dan persepsi terhadap tingkah laku HIV.

Model IMBS bukanlah sebuah model yang kompleks untuk mengukur motivasi dengan tindakan tetapi boleh ditambahbaik dengan pengenalan pada pemboleh ubah baru yang sesuai mengikut konteks kajian. Sekiranya faktor kemahiran dikeluarkan sebagai pemboleh ubah perantara, adakah faktor personaliti yang diperkenalkan sebagai pemboleh ubah penyederhana berupaya mempengaruhi hubungan antara motivasi dan kesediaan melakukan tular dalam media sosial?

1.3 Persoalan kajian

Terdapat dua premis yang perlu dijawab dalam penyelidikan ini. Premis utama adalah mengukur motivasi yang mempengaruhi kesediaan individu melakukan tular dalam media sosial. Bagi premis yang kedua, hasil kajian lepas menunjukkan bahawa personaliti mempengaruhi tindakan yang dilakukan kerana kaedah interaksi dan bersosial adalah berbeza sama ada dalam persekitaran bersemuka dan juga media sosial.

Berpandukan kedua-dua premis ini, beberapa persoalan perlu dijelaskan iaitu:

- 1) Apakah jenis maklumat, dimensi motivasi dan kesediaan melakukan tular dalam media sosial?

- 2) Apakah dimensi motivasi yang mempengaruhi kesediaan melakukan tular dalam media sosial?
- 3) Adakah faktor personaliti Ekstrovert dan Introvert menyederhanakan hubungan antara motivasi dengan kesediaan melakukan tular dalam media sosial?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Umum

Mengenalpasti peranan personaliti sebagai faktor penyederhana yang mempengaruhi hubungan antara motivasi dengan kesediaan melakukan tular di media sosial.

1.4.2 Khusus

- 1) Mengetahui jenis maklumat, dimensi motivasi dan kesediaan melakukan tular di media sosial.
- 2) Mengenalpasti hubungan antara motivasi personal dengan kesediaan melakukan tular di media sosial.
- 3) Mengenalpasti hubungan antara motivasi sosial dengan kesediaan melakukan tular di media sosial.
- 4) Menentukan peranan personaliti sebagai penyederhana antara dimensi motivasi dengan kesediaan melakukan tular di media sosial.

1.5 Kepentingan Kajian

Pengguna media sosial terdiri daripada individu yang memiliki identiti dan karakter yang pelbagai. Media sosial menjadi saluran interaktif untuk interaksi berbalas dan perkongsian maklumat kerana individu berkuasa untuk memilih saluran yang dirasakan selesa untuk menularkan maklumat. Oleh itu, kajian ini merupakan sebuah kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti punca dengan mengukur motivasi-motivasi yang mempengaruhi kesediaan individu untuk melakukan tular maklumat dalam media sosial.

Secara praktikalnya, pengukuran karakter atau personaliti individu yang menggunakan media sosial dapat ditelusuri dengan cara a) meneroka jenis maklumat yang akan ditularkan oleh pengguna media sosial yang mempunyai personaliti berbeza dan b) meneroka motivasi yang mempengaruhi kesediaan setiap personaliti untuk menularkan maklumat dalam media sosial. Hal ini

kerana, motivasi adalah satu bentuk keinginan yang akan mempengaruhi tindakan. Lantaran itu, setiap pengguna perlu mengenali karakter atau personaliti mereka terlebih dahulu kerana lokasi media sosial yang berpenghadang akan meningkatkan risiko untuk mana-mana pengguna menjadi mangsa atau pemangsa dalam media sosial (Vanjes, Baillien, Vandebosch, Erreygers & De Witte, 2017).

Apabila individu kenal dengan karakter atau persoaliti sendiri, mereka akan tahu tentang kekuatan personaliti masing-masing dan mengaplikasikan kekuatan persona mereka untuk menjadi *sharer* yang bermanfaat. Oleh itu, kajian ini akan menyumbang pada ilmu kesedaran dan kawalan dalam pemilihan maklumat untuk ditularkan dalam media sosial. Penuluran maklumat dalam media sosial perlulah relevan bagi mengelakkan perdebatan dengan pengguna media sosial yang lain, mengelakkan risiko menjadi mangsa atau pemangsa buli siber sekaligus menjejaskan kesihatan mental individu.

Dari sudut teori, kajian ini menggunakan *Model Information-Motivation-Behavioral Skills* (Model IMBS; Fisher & Fisher, 1992) sebagai model yang diadaptasi secara luas dalam bidang komunikasi kesihatan. Dalam masa yang sama, penyelidik mengaplikasikan model ini dalam bidang komunikasi kemanusiaan dengan membina sebuah model cadangan daripada kerangka Model IMBS untuk mengukur motivasi yang mempengaruhi kesediaan tular dalam media sosial.

Bukan itu sahaja, elemen personaliti diperkenalkan sebagai faktor yang mempengaruhi hubungan antara motivasi dengan kesediaan penuluran maklumat dalam media sosial. Di akhir penyelidikan ini, sebuah model cadangan mengenai fenomena penuluran maklumat dapat dibentuk menerusi tiga pemboleh ubah iaitu a) motivasi, b) kesediaan melakukan tular dan c) personaliti individu; dalam konteks pengaplikasian Model IMBS menerusi media sosial.

Seterusnya, pengukuran berbentuk psikologi dengan menggunakan borang soal selidik bukanlah sebuah metod yang baharu. Namun begitu, penggunaan instrumen bernombor ini akan dapat mengukur skor responden secara satu-persatu. Tambahan lagi, setiap soalan akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan SEM-PLS; sebuah aplikasi statistik yang mengukur interaksi antara setiap pemboleh ubah. Analisis dalam SEM-PLS berupaya mengemukakan sebuah model konseptual (atau model cadangan) dan juga model statistik selepas data dianalisis. Oleh itu, penggunaan perisian SEM-PLS untuk analisis data dapat membantu penyelidik untuk merangka model yang sesuai untuk digunakan dalam kajian sekali gus menggunakan unit analisis yang telah diseragamkan dalam perisian berkenaan.

1.6 Skop Kajian

Kajian yang melibatkan konteks media sosial adalah sangat luas dan sukar untuk digeneralisasikan kerana bilangan populasi pengguna yang tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah (Andrews, Nonnecke & Preece, 2003). Oleh itu, skop kajian berupaya menetapkan fokus pada konteks kajian yang dilaksanakan seperti dimensi motivasi, lokasi dan kaedah tular, subjek kajian serta jenis personaliti. Setiap pemboleh ubah dikecilkan pada kriteria yang spesifik agar dapat mewakili populasi yang dikaji.

Motivasi individu untuk melakukan penuluran maklumat dalam media sosial diukur menerusi dua dimensi iaitu motivasi peribadi dan motivasi sosial. Hal ini kerana, hasil kajian lepas menyatakan bahawa individu melibatkan diri dengan melakukan pelbagai aktiviti berbentuk personal dan interpersonal apabila berada dalam media sosial. Oleh itu, skop kajian ini akan berfokus pada dua bentuk motivasi iaitu motivasi yang berbentuk personal (peribadi) dan juga interpersonal (sosial).

Data oleh SKMM (2020) menunjukkan bahawa aplikasi perkongsian maklumat terbahagi kepada dua iaitu aplikasi dalam media sosial (*social media apps*) dan aplikasi komunikasi (*communication apps*). Berpandukan data ini, lokasi kajian primer yang dipilih untuk hebahan pengumpulan data berfokus pada dua jenis aplikasi dengan bilangan pengguna tertinggi di Malaysia iaitu Facebook (91.7%) dan Whatsapp (98.7%). Selain itu, penyelidik turut memilih lokasi pengumpulan data sekunder seperti di dalam emel dan *Google Contacts*.

Seterusnya, tular dalam media sosial berlaku disebabkan tindakan perkongsian maklumat dengan cara *like*, kongsi atau komen dan kongsi semula. Dalam kajian ini, kaedah menularkan maklumat dalam media sosial dikecilkan kepada dua iaitu dengan cara berkongsi semula maklumat atau memberi komen dan kongsi semula maklumat dalam mana-mana media sosial. Lokasi menularkan maklumat pula terbahagi kepada dua seperti yang dinyatakan oleh SKMM (2019) iaitu menerusi aplikasi media sosial ataupun aplikasi komunikasi.

Subjek kajian terdiri daripada pengguna media sosial berusia 20 tahun dan ke atas kerana bilangan pengguna Internet yang berumur 20 tahun dan ke atas mencatatkan peningkatan daripada 15.6% pada tahun 2018 kepada 34.1% pada tahun 2020 (SKMM, 2020). Bagi memastikan subjek kajian menepati konteks kajian yang dilaksanakan, kriteria subjek dikecilkan dan ditentukan menerusi beberapa soalan tapisan seperti umur, cakna istilah perkongsian tular dan pernah menjadi penular primer atau sekunder dalam media sosial.

Seterusnya, personaliti individu yang menjadi faktor yang mempengaruhi hubungan antara motivasi dengan tindakan penuluran maklumat terbahagi kepada dua iaitu individu yang berpersonaliti Introvert dan juga Ekstrovert.

Kedua-dua personaliti ini mempunyai karakter yang berlawanan antara satu sama lain. Setiap personaliti turut mempunyai kekuatan dalam karakter termasuklah mempamerkan cara yang berbeza dalam interaksi dan bersosial sama ada dalam persekitaran bersemuka mahupun dalam media sosial.

1.7 Definisi kata kunci

1.7.1 Motivasi

